



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Ketua jururawat lesap RM16,000 ditipu scam 'LHDN'
Publication/Portal: Kosmo
Date: 3 August 2022

Language: Malay
Section: Negara
Page: 16

Ketua jururawat lesap RM16,000 ditipu scam 'LHDN'

TELUK INTAN – Seorang ketua jururawat di salah sebuah hospital di sini berputih mata apabila wang simpanan RM16,000 lesap selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, wanita berusia

47 tahun itu menerima panggilan kononnya dia mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM200,000.

Katanya, mangsa bagaimanapun menafikan perkara tersebut, namun panggilan berkenaan disambung kepada seorang individu yang mengaku dirinya anggota polis bagi membantu mangsa membuat laporan.

"Mangsa kemudiannya di-

minta untuk memindahkan wang yang ada di dua akaun banknya masing-masing RM10,000 dan RM6,000 ke dalam satu akaun bank sindiket.

"Pemindahan itu kononnya bagi memastikan wang simpanan mangsa tidak terlibat dalam mana-mana kes pengubahan wang haram," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Ahmad Adnan, jururawat berkenaan mula menyedari dirinya tertipu selepas sindiket tersebut mendesaknya untuk membuat semakan serta mendedahkan maklumat perbankan beliau.

Beliau berkata, rentetan itu mangsa mengambil keputusan untuk tidak mendedahkan maklumat tersebut serta bertindak

memutuskan panggilan dan membuat laporan polis.

"Orang ramai sekali lagi diingatkan jangan mudah percaya kepada panggilan telefon yang diterima dari mana-mana nombor telefon yang tidak dikenali.

"Paling penting, tidak melayan panggilan tersebut bagi mengelak terpedaya dengan sindiket Macau Scam ini," katanya.